



## **PERARAKAN PASUKAN BERKUDA SEMPENA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN DAN JUBLI PERAK PUTRAJAYA 2020**

**PUTRAJAYA, 30 OGOS 2020** – Hari Kebangsaan dan sambutan Jubli Perak Putrajaya dimeriahkan dengan perarakan pasukan berkuda perkhidmatan awam bertempat di Dataran Putrajaya, Presint 3.

Majlis disaksikan oleh YB Menteri Wilayah Persekutuan, YBhg. Tan Sri TPr. Annuar Bin Haji Musa. Turut hadir YB Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, YBhg. Dato' Sri Dr.Santhara J.P dan Ketua Setiausaha Negara, YBhg. Tan Sri Mohd Zuki Bin Ali.

Perarakan pasukan berkuda merupakan acara yang julung kali diadakan dan merupakan inisiatif Perbadanan Putrajaya (PPj) dalam menzahirkan rasa cinta kepada negara dan pada masa sama bagi meraikan sambutan Jubli Perak, 25 tahun penubuhan Putrajaya.

Perarakan simbolik ini melibatkan sebanyak 88 ekor kuda yang diketuai oleh Presiden PPj, YBhg Datuk Dr. Aminuddin Bin Hassim membawa kontinjen perkhidmatan awam dari Unit Berkuda PPj, Unit Berkuda Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Unit Berkuda Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Unit Berkuda Angkatan Tentera Malaysia (ATM) serta Briged Ekuin Angkatan Pertahanan Awam (APM). Pemilihan jumlah 88 ekor kuda adalah sebagai simbolik kepada 63 tahun kemerdekaan negara dan 25 tahun penubuhan Putrajaya.

Perarakan bermula dari Dataran Putra melalui Persiaran Perdana diikuti dengan lintas hormat kontinjen di hadapan YB Menteri Wilayah Persekutuan di Dataran Putrajaya serta penyerahan Jalur Gemilang dan bendera Jubli Perak Putrajaya kepada YB Menteri Wilayah Persekutuan. Acara perarakan diteruskan ke Taman Equestrian Putrajaya, Presint 5.

Majlis turut menyaksikan penyerahan sijil penghargaan kepada 12 ketua jabatan serta agensi mewakili pasukan barisan hadapan (*frontliner*) iaitu yang telah berkhidmat dan berjuang mendepani pandemik COVID19 khususnya di Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Keterangan lanjut berhubung Perarakan Pasukan Berkuda Perkhidmatan Awam Sempena Sambutan Kemerdekaan Ke 63 dan Sambutan Jubli Perak Putrajaya 2020, sila hubungi Pegawai Media PPj, Encik Mohd Fairus Bin Mohd Padzil ditalian 03-88877347 / 019-3354346 dan Encik Mohamad Fitri Bin Norsalim ditalian 03-88877258 / 011-10688347.



**(TENGGU AINA BINTI TENGGU ISMAIL SHAH)**  
**Pengarah**  
**Bahagian Komunikasi Korporat**  
b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 28 Ogos 2020